Pantai Teluk Ketapang yang terletak di Kampung Teluk Ketapang merupakan salah satu pantai yang menjadi tarikan utama pelancong di Kuala Nerus. Pantai ni terletak di kampung Seberang Takir, Kuala Nerus. Seberang Takir sememangnya sinonim dengan homestaynya, selain terkenal dengan tempat makan seperti 'air buah gelas besar' dan keropok lekor, ia merupakan salah satu perkampungan yang unik.

Kampung Teluk Ketapang cuma terletak 0.5 km dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud, yang merupakan sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa. Juga terdapat berhampiran kampung ini ialah sebuah stadium kebanggaan rakyat negeri Terengganu iaitu Stadium Sultan Mizan, stadium tertutup dan beberapa gelanggang sukan terbuka. Di sini juga terletak sebuah kem tentera dan Institut Pengajian Tinggi(IPT).

Jika ke sini tidak sah rasanya jika tidak singgah ke pantai Teluk Ketapang. Pada waktu petang pantai ni memang sentiasa penuh dengan pengunjungnya untuk
melakukan
pelbagai aktiviti yang disediakan di sini.
Pengunjung yang datang ke sini boleh mengikuti aktiviti menunggang kuda, memancing dan bermain layang-layang.
Selain dari taman permainan, pondok rehat juga banyak disediakan untuk kemudahan pengunjung berehat & berkelah bersama keluarga. Selain keindahan pantai ini, pengunjung boleh menikmati ’sotong celup tepung’ yang popular di kawasan ini. Kemudahan rumah penginapan juga disediakan dengan kadar berpatutan untuk pengunjung yang ingin bermalam di kawasan pantai ini.



Papan tanda Pantai Teluk Ketapang



Wakaf yang disediakan untuk berehat



Pantai yang ditambak dengan batu, menjadi tempat kesukaan kaki pancing



Kiri kanan jalan pantai yang ditanam pokok rhu mengindahkan pemandangan



[illegible]